



Ayat Suci Minggu ini

Kisah Para Rasul 2: 14, 36-41
Mazmur 22: 1-6
1 Petrus 2: 20-25
Yohanes 10: 1-10



“Gereja menaruh keyakinan kepada kamu dan berterima kasih atas sukacita serta semangat yang kamu sumbangkan. Gunakanlah talenta-talenta kamu dengan murah hati dalam pelayanan pewartaan Injil”

- Paus Benedict XVI

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 17/2026

Pewartaan Petrus dalam Kisah Para Rasul membawa kepada pertobatan bukan melalui ketakutan, tetapi melalui kebenaran yang disampaikan dengan jelas, penuh keyakinan, dan dengan belas kasih. Dan Santo Petrus mengingatkan kita bahawa Kristus memimpin melalui kasih yang mengorbankan diri, bukan melalui penguasaan.

Ini ialah satu mesej yang penting tentang bagaimana kita membimbing kaum muda. Kepimpinan dalam Gereja bukanlah tentang mengawal, tetapi tentang membentuk hati nurani, keyakinan diri, dan keberanian.

Di Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD), para belia menyuarakan satu hasrat yang kuat: “Kami mahu diberi peluang untuk memimpin dan melayani, bukan sekadar membantu. Kami mahu bertumbuh sebagai murid Kristus yang mampu membimbing orang lain.” (Sintesis MCYD, Pendampingan dan Mentor)

Gereja yang sinodal membuka ruang dan jalan bagi kepimpinan. Gereja yang profetik berani mempercayakan tanggungjawab kepada kaum muda.

Pemberdayaan belia bukan bererti memberikan segala-galanya kepada kaum muda, tetapi memberi mereka tanggungjawab yang nyata, disertai bimbingan dan pendampingan. Apabila kaum muda diberi kepercayaan, mereka akan bangkit. Apabila mereka didampingi, mereka akan menjadi matang. Apabila mereka diutus, mereka akan menjadi misionaris dalam masyarakat.

Hari Minggu Gembala Baik mengingatkan kita bahawa kita bukan sahaja menggembalakan kawanan pada hari ini, tetapi kita juga sedang membentuk gembala-gembala masa depan yang berakar dalam iman, keadilan, dan belas kasih.

Hari Minggu Gembala Baik mengingatkan kita bahawa panggilan hidup tidak bertumbuh kerana tekanan, tetapi melalui pertemuan, rasa memiliki, dan kepercayaan. Apabila kaum muda didampingi, diyakini, dan diberi tanggungjawab yang nyata, mereka mula mendengar panggilan Tuhan dengan lebih jelas. Budaya panggilan yang sejati dibina melalui kesaksian yang penuh sukacita dan komuniti yang mengasihi, yang menunjukkan bahawa hidup yang dipersembahkan demi sesama adalah suatu anugerah.

Jika kita mengharapkan lahirnya para imam, diakon, biarawan-biarawati, dan pemimpin awam yang komited pada masa depan, maka pertama-tama kita mesti menjadi Gereja yang layak untuk dipersembahkan seluruh hidup kepadanya. Dan apabila kita menggembalakan kaum muda dengan iman dan kesabaran, Tuhan akan membangkitkan gembala-gembala menurut Hati-Nya sendiri. ✕

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Gembala Baik | 26 April 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: MASYARAKAT: Memperkasakan Belia



**Memimpin Tanpa Mengawal
Membentuk Gembala-Gembala Muda
Masa Depan**

Yesus mengajar kita bahawa Gembala yang Baik tidak mendorong dari belakang dan tidak menguasai dari atas. Dia memimpin dari tengah-tengah kawanan-Nya. Dia memanggil setiap domba menurut namanya. Dia berjalan di hadapan mereka. Dia melindungi supaya yang lain dapat hidup, bertumbuh, dan berkembang.